

MODEL PENARAFAN HOTEL DAN CHALET PATUH SYARIAH: SATU KAJIAN KONSEPSUAL DI NEGERI MELAKA

Muhammad Iqbal Zahin Bin Ismail,
Mohd Azam Bin Hj Yahya,
iqbal@kuim.edu.my
Kolej Universiti Islam Melaka

Article history:

Received : 17 June 2021
Accepted : 24 October 2021
Published : 19 November 2021

Abstrak

Industri pelancongan adalah salah satu industri penting yang menjadi sumber penting oleh kerajaan dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Sebahagian daripada negeri-negeri di Malaysia sememangnya menjadikan pelancongan sebagai di antara sumber utama ekonomi negeri seperti yang dilaksanakan di negeri Melaka. Model ekonomi baru yang telah diperkenalkan oleh kerajaan telah menyenaraikan sektor pelancongan sebagai salah satu sektor yang berpotensi untuk merancakkan pertumbuhan dan menjana hasil pendapatan negara. Salah satu produk pelancongan yang berpotensi untuk diketengahkan ialah hotel patuh syariah (shariah-compliant hotels). Ianya merupakan konsep pengurusan perhotelan yang semakin mendapat tempat di negara-negara Timur Tengah seperti di UAE dan juga Arab Saudi. Selain itu juga, kesedaran masyarakat tentang produk patuh syariah juga sangat memberansangkan serta keyakinan masyarakat terhadap produk patuh syariah semakin meningkat hasil kempen dan penerangan berterusan badan-badan agama di Malaysia. Kertas kerja ini membincangkan tentang kriteria yang perlu ada untuk penarafan hotel patuh syariah di negeri Melaka. Melihat kepada pertambahan bilangan pelancong setiap tahun yang menggunakan perkhidmatan sewaan hotel dan chalet di negeri Melaka, maka penarafan hotel patuh syariah perlu diperkenalkan bagi memudahkan para pengguna mendapatkan perkhidmatan sewaan hotel atau chalet tanpa ada keraguan serta selamat dari sudut syarak. Dengan penarafan ini juga sudah pasti akan merancakkan lagi industri pelancongan dengan penambahan bilangan pelancong di negeri Melaka khususnya yang menggunakan perkhidmatan sewaan hotel dan chalet patuh syariah.

Kata kunci: Industri Pelancongan, Patuh Syariah

SHARIAH COMPLIANT HOTEL AND CHALET RATING MODEL: A CONCEPTUAL STUDY IN THE STATE OF MELAKA

Abstract

The tourism industry is one of the important industries that is an important resource by the government in driving the country's economic growth. Some of the states in Malaysia have made tourism as one of the main sources of the state's economy as implemented in the state of Melaka. The new economic model that has been introduced by the government has listed the tourism sector as one of the sectors that has the potential to boost growth and generate national income. One of the tourism products that have the potential to be highlighted is shariah-compliant hotels. It is a concept of hospitality management that is gaining ground in Middle Eastern countries such as the UAE and Saudi Arabia. Apart from that, the community's awareness of syariah-compliant products is also very encouraging as well as the community's confidence in syariah-compliant products is increasing as a result of the

ongoing campaigns and information of religious bodies in Malaysia. This paper discusses the criteria that must be in place for the rating of shariah -compliant hotels in the state of Melaka. Looking at the increase in the number of tourists every year who use hotel and chalet rental services in the state of Melaka, then the rating of shariah -compliant hotels should be introduced to make it easier for users to get hotel or chalet rental services without any doubt and safe from a shariah point of view. With this rating, it will definitely boost the tourism industry with the increase in the number of tourists in the state of Melaka, especially those who use shariah -compliant hotel and chalet rental services.

Keywords: Tourism Industry, Shariah Compliant

1.0 PENDAHULUAN

Industri pelancongan merupakan satu industri yang menyumbang kepada sumber ekonomi negara secara amnya dan negeri Melaka khususnya. Menurut data yang diperolehi, pada tahun 2018, jumlah pelancong yang datang ke Melaka adalah seramai 17.02 juta berbanding 16.79 juta pelancong pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, 66.58 peratus adalah pelancong domestic. Melihat kepada data tersebut, jumlah pelancong daripada negara Timur Tengah adalah seramai 34,518 orang. Jumlah pelancong yang ramai adalah dari beberapa buah negara seperti Arab Saudi, Turki, UAE, Iran dan beberapa lagi negara yang majoriti penduduknya beragama Islam. EXCO Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan, Datuk Muhamad Jailani Khamis juga melaporkan, pelancong yang datang ke Melaka pada tahun 2019 mencecah 18 Juta orang berbanding 17.02 juta orang pelancong yang datang ke Melaka pada tahun 2018.

Industri perhotelan patuh syariah kini menjadi tumpuan dalam sektor pelancongan bagi mempromosikan nilai-nilai Islam serta memelihara kepentingan umat Islam seperti yang telah digariskan oleh syarak. Industri pelancongan memperkenalkan produk hotel patuh syariah bagi menjamin kualiti hidup dalam kalangan pelancong. Hotel patuh syariah ditakrifkan sebagai hotel yang menyediakan perkhidmatan bertepatan dengan prinsip Islam. Adapun, syariat Islam memperincikan perkara yang dibolehkan, tidak dibolehkan dan syubhah untuk diambil oleh Muslim.

Di dalam hadis SAW:

Maksudnya: Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas, dan di antara keduanya pula terdapat perkara-perkara yang syubhah (tidak terang halal atau haramnya). Barang siapa meninggalkan perkara yang diragukan mengandung dosa, maka ia akan lebih meninggalkan perkara yang telah jelas mengandung dosa. Barang siapa berani melakukan apa sahaja yang diragukan dosanya, maka dikhuatirkan ia akan jatuh pada perkara yang nyata dosanya. Semua maksiat adalah larangan Allah. Barang siapa mengelilingi sekitar larangan Allah, maka dikhuatirkan akan menjatuhkannya.” (Riwayat al-Bukhariyy, *Sahih al-Bukhariyy, Kitab al-Buyuc, Bab al-halal bayyin wa al-haram bayyin wa bainahuma mutasyabihat*, No.2051).

Menurut Siti Aishah (2013), perhotelan patuh syariah boleh ditakrifkan sebagai hotel yang menyediakan perkhidmatan yang berasaskan syarak. Patuh syariah bukan sahaja khusus kepada penyediaan makanan bahkan ia merangkumi aspek operasi di hotel di mana ia mestilah diuruskan berdasarkan prinsip Islam. Walaubagaimanapun, penggunaan istilah patuh syariah bagi produk selain makanan dan kewangan perlu kepada kawalan dan penarafan yang ketat bagi mengelakkan ia sewenang-wenangnya disalah gunakan serta menjadi lambakan akibatnya sukar untuk dikawal.

Persoalan yang timbul adalah tentang kriteria yang digunakan serta sejauh manakah hotel atau chalet mematuhi secara berterusan bagi membolehkan sesebuah hotel itu sebagai diiktiraf dan ditarafkan hotel patuh syariah? Sehingga hari ini, tinjauan awal mendapati tiada standard khusus yang lengkap dikeluarkan oleh pihak berwajib yang boleh dijadikan piawaian kepada hotel patuh syariah tidak sebagaimana makanan halal yang diberikan logo halal serta tiada satu penarafan hotel patuh syariah seperti penarafan bintang kepada hotel diberikan oleh pihak berwajib. Justeru, kajian ilmiah berkenaan kriteria serta penarafan hotel dan chalet patuh syariah dilihat sangat relevan dan diperlukan pada masa ini di negeri Melaka.

Metodologi Kajian

Metod kajian ini adalah menggunakan pendekatan campuran iaitu pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif. Reka bentuk kajian adalah secara temu bual badan-badan berwajib dan berautoriti, penyediaan soal selidik secara bersasar kepada kumpulan yang telah dikenal pasti.

Pengumpulan Data

Data primer diperolehi hasil daripada temu ramah individu dan badan-badan berkaitan yang mempunyai autoriti dan kepakaran di bidang kajian. Selain itu, data primer juga diperolehi daripada analisis soal selidik yang dibuat kepada kumpulan sasaran yang terkait dengan bidang kajian. Data sekunder pula ialah kajian perpustakaan dilakukan terhadap bahan literatur secara mendalam seperti artikel jurnal dan prosiding, tesis, buku dan laman web yang berkaitan dengan standard atau kriteria hotel dan chalet patuh syariah. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Selain itu juga, pemerhatian dilakukan secara langsung dalam kelompok yang akan dikaji dan menjalankan pemerhatian dengan melihat ciri-ciri hotel dan chalet patuh syariah.

I. Metod Analisis Data

Data-data yang diperolehi dalam bentuk dokumen atau tekstual dianalisis menggunakan analisis kandungan. Manakala data yang diperolehi daripada temu bual yang dilakukan, dianalisis dari transkripsi temu bual. Data yang diperolehi daripada soal selidik akan dianalisis daripada boring soal selidik yang diperolehi. Data yang terkumpul akan di analisis secara induktif, deduktif, komparatif dan tematik dengan menggunakan perisian Nvivo dan perisian SPSS.

II. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti kriteria perhotelan dan chalet patuh syariah yang telah wujud dan sedia ada.
- ii. Menganalisis kriteria perhotelan patuh syariah yang dipatuhi dan dipraktikkan di hotel dan chalet.
- iii. Mencadangkan satu model penarafan hotel dan chalet patuh syariah yang menepati piawaian mengikut kepada situasi semasa.

III. Sorotan Literatur

Terdapat kajian-kajian lepas mengenai ciri-ciri Hotel Patuh Syariah, namun isu ini timbul disebabkan oleh kebanyakan hotel dan chalet yang dibina di Melaka tidak menepati dan memenuhi kriteria patuh syariah secara total dan tiada penarafan yang diberikan oleh pihak berwajib kepada hotel dan chalet. Bagi memudahkan pelancong mendapatkan perkhidmatan hotel dan chalet yang patuh syariah dengan penuh keyakinan, justeru pengusaha hotel dan chalet perlulah mengambil jalan alternatif serta tindakan serius dengan memperkenalkan salah satu produk iaitu hotel dan chalet yang mendapatkan penarafan patuh syariah secara keseluruhannya.

Cadangan Kriteria Penarafan Hotel dan Chalet Patuh Syariah

Dalam kajian-kajian yang lepas telah mengenalpasti bahawa maksud hotel dan chalet patuh syariah boleh ditakrifkan sebagai sebuah hotel dan chalet yang menyediakan perkhidmatan selaras dengan prinsip prinsip Syariah. Hotel dan Chalet Patuh Syariah tidak hanya terhad untuk menyajikan makanan halal dan minum tetapi operasi keseluruhannya juga akan diuruskan berdasarkan prinsip-prinsip Syariah (WanSahida et al. 2012).

i. Ruang Bilik Penginapan dan Reka Bentuk

Ruang bilik penginapan dan reka bentuk perkara penting yang perlu diberikan perhatian. Kebiasaannya, setiap bilik akan mempunyai ruang tidur dan ruang bilik air atau tandas. Maka, ruang tandas dan bilik air perlu tidak menghadap ke arah kiblat. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam hadis RA : *“Rasulullah SAW sesungguhnya telah melarang kami menghadap kiblat ketika buang air besar atau kecil, atau beristinja (membersihkan kotoran) dengan tangan kanan, atau beristinja dengan batu kurang daripada tiga biji, atau beristinja dengan kotoran haiwan atau dengan tulang.”* (Muslim) Begitu juga hadith daripada Abu Ayyub al-Ansari RA, *“Janganlah menghadap kiblat atau membelakanginya akan tetapi menghadaplah ke arah timur atau barat.”* (Al-Bukhari, al-Nasa’i, Malik dan Ahmad). Berdasarkan kedua-hadis ini, hotel atau chalet yang mempunyai ciri-ciri Islam perlu merancang lokasi dan kedudukan bilik air dan tandas supaya pelanggan tidak menghadap kiblat. Selain itu, peralatan hemat diri seperti tuala, kain basahan dan kain lap muka perlu dicuci sehingga suci dan bersih untuk digunapakai oleh pengguna. Peralatan yang lain seperti sabun, syampu, berus gigi dan ubat gigi mestilah yang mendapat perakuan halal daripada badan yang diiktiraf. Selain itu juga, satu panduan dan adab di bilik air atau tandas boleh disertakan bagi membantu penyewa dapat menjaga adab dengan sempurna.

Pihak hotel juga perlu menyediakan ruangan ibadah khas dalam bilik penginapan. Ruangan tersebut mestilah tidak menghadap ke arah bilik air atau tandas. Sebaiknya ia ditutup bagi mengelakkan orang lalu dihadapan orang yang bersolat. Sabda Rasulullah SAW : *“Jikalau orang yang melalui di depan orang yang solat mengetahui dosa yang akan dipikulnya, maka ia lebih baik berdiri empat puluh hari daripada melalui di depannya.”* (al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa’i dan Ibn Majah)

Ruangan ini boleh dilengkapi dengan waktu solat, tikar, sejadah, telekung, ketayap, tasbeih dan sebagainya bagi memudahkan pelanggan menunaikan ibadah. Naskah Al-Quran dan naskah Surah Yasin juga perlu disertakan. Penunjuk arah kiblat merupakan keperluan penting bagi memudahkan penyewa melaksanakan solat dengan yakin, Ruangan tersebut jangan pula menghadap ke arah bilik air atau tandas. Sebaiknya ia menghadap ke arah dinding hingga tiada orang yang boleh melalui di depannya. Ini suatu peringatan Rasulullah SAW : *“Jikalau orang yang melalui di depan orang yang solat mengetahui dosa yang akan dipikulnya, maka ia lebih*

baik berdiri empat puluh hari daripada melalui di depannya.” (al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah)

Hiasan di bilik penginapan juga mestilah bukan hiasan atau gambar yang tidak senonoh atau yang ditegah oleh Islam. Tegahan Nabi SAW dalam sabda baginda SAW : *“Malaikat tidak akan memasuki rumah yang di dalamnya terdapat anjing dan gambar (patung).”* (Al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah)

ii. Restoren, Tempat Penyediaan Makanan dan Makanan Yang Disediakan

Restoren dan makanan di hotel adalah perkara yang sangat popular dalam kalangan penyewa atau pelancong yang menginap di sesebuah hotel atau chalet. Oleh yang demikian, pihak hotel perlu memastikan makanan yang disediakan mesti mematuhi prosedur halal yang ditetapkan oleh JAKIM sama ada ada daripada sumber makanan, penyediaan makanan, penyajian makanan dan minuman. Ia hendaklah memenuhi piawai halal yang telah ditetapkan dalam negara seperti garis panduan makanan dan minuman halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan piawai Standard Malaysia MS 1500:2009 (Makanan Halal : Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum) Jabatan Standard Malaysia (DSM) di samping selari dengan Akta Perihal Dagangan 1972, GHP (Amalan Kebersihan Baik) dan sebagainya.

Makanan atau minuman yang haram seperti arak tidak boleh disajikan kepada semua pelanggan, tanpa mengira sama ada Muslim atau tidak. Restoran atau ruang makanan seperti di koridor bilik seminar atau dewan juga disyorkan mempunyai kerusi yang memadai untuk pelanggan bagi mengelakkan pelanggan makan dan minum secara berdiri seperti larangan di dalam sabda Baginda SAW : *“Janganlah salah seorang daripada kami minum secara berdiri.”* (Muslim). Selain itu juga, bacaan doa sebelum makan dan adab-adab ketika makan boleh dipaparkan kepada pelanggan.

Selain itu, ruang dapur juga perlu sentiasa dalam keadaan yang mencapai kualiti kebersihan yang optimum.. Makanan pula mestilah berkualiti, halal dan daripada sumber yang halal. Dalam hal ini, kebersihan ruang dapur dan kehalalan dan kualiti makanan amat perlu dititik beratkan. Imam al-Ghazali menganggap aspek pemakanan adalah sebahagian daripada urusan agama. Ini juga selaras dengan pesanan al-Quran dan hadith yang sering menggandingkan istilah halal dan tayyib (baik). Firman Allah SWT : *“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) apakah yang diharamkan bagi mereka. Katakanlah, diharamkan bagi kamu yang baik-baik.”* (al-Ma'idah, 5 : 4). Firman-Nya lagi, *“Wahai manusia, makanlah kamu dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik.”* (Al-Baqarah, 2 : 168)

Selain itu, pramusaji dan tukang masak perlu mengamalkan etika patuh syariah seperti pemakaian yang dibenarkan, cara pelayanan dan pergaulan yang tidak melampaui batas agama. Sebagai nilai tambah, pihak hotel dan chalet boleh menyediakan minuman dan makanan pencuci mulut daripada makanan sunnah seperti madu, zaitun, tin, delima, kurma, kismis dan habbatul sauda'. Galakan ini disebutkan dalam pelbagai hadith antaranya sabda Rasulullah SAW : *“Sesungguhnya pada habbatul sauda' itu terdapat penawar daripada setiap penyakit kecuali sam (mati).”* (Al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, Ibn Majah dan Ahmad)

iii. Pelanggan dan Penyewa

Hotel dan chalet yang patuh syariah perlu mengambil maklum dan peduli dengan semua pelanggan serta penyewa yang datang. Malah aktiviti-aktiviti yang dilakukan juga perlu di dalam pengetahuan dan pemantauan pihak hotel dan chalet. Bagi mereka yang belum berkahwin dan

bukan mahram tidak dibenarkan menginap bersama dalam satu bilik. Sabda Rasulullah SAW : *“Janganlah seorang wanita bermusafir perjalanan kecuali bersama mahram”* (Al-Bukhari dan Muslim). Sabda Baginda SAW lagi : *“Janganlah seseorang kamu bersunyi-sunyian dengan seorang wanita melainkan bersama-sama mahram.”* (Al-Bukhari dan Muslim). Ini bagi mengelakkan gejala zina yang sangat diharamkan dalam Islam.

Selain itu, persekitaran premis juga perlu bebas cubaan zina dan mengelakkan suasana berdua-duaan berlaku. Oleh itu, hotel sewajarnya meletakkan peringatan dalam pamflet, risalah, papan tanda dan seumpamanya tentang larangan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan malah rondaan pengawal keselamatan secara kerap sangat diperlukan.

Selain itu, segala aktiviti, makanan serta minuman haram seperti arak tidak dibenarkan dibawa masuk oleh pelanggan atau penyewa. Sabda Rasulullah SAW : *“Setiap yang memabukkan adalah khamar (arak) dan setiap yang memabukkan adalah haram.”* (Muslim). Allah SWT sendiri menggambarkan arak adalah perbuatan keji yang disukai syaitan sebagaimana Firman Allah *“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak dan judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang panah adalah kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya”* (Al-Ma’idah, 5 : 90).

iv. Pentadbiran dan Staf

Sesuatu pengurusan hotel terdiri daripada pengurus sehinggalah kepada kepada tukang sapu. Namun, sehingga hari ini, tiada jawatan pegawai agama atau pegawai hal ehwal Islam untuk menguruskan urusan keagamaan. Justeru, pihak hotel atau chalet boleh melantik atau mewujudkan jawatan untuk pengurusan keagamaan. Pegawai ini akan bertanggungjawab semua hal ehwal patuh syariah yang melibatkan aktiviti dan pematuhan kepada hukum hakam syarak. Selain itu, setiap hotel atau chalet perlu mengambil inisiatif mewujudkan Majlis Penasihat Syariah atau melantik mana-mana panel syariah untuk dijadikan panduan rujukan dalam perkara yang melibatkan hotel dan chalet terutama dari segi makanan, persekitaran dan aktiviti yang dijalankan.

Selain itu, setiap pekerja Muslimnya mestilah berpakaian Islam menutup aurat, tidak tidak terlalu ketat, tidak pula terlalu longgar serta warna pakaian dan memakai wang-wangian yang berpatutan. Firman Allah SWT : *“Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu dan wanita-wanita mukminah, hendaklah mereka melabuhkan tudungnya ke seluruh tubuh mereka”* (Al-Ahzab 33 : 59). Begitu juga sabda Rasulullah SAW : *“Aisyah RA telah berkata, sesungguhnya Asma binti Abu Bakar menemui Nabi SAW dengan memakai busana yang tipis, lalu Nabi berpaling daripadanya dan bersabda, “Wahai Asma, sesungguhnya apabila wanita itu telah baligh (sudah haidh) tidak boleh dilihat daripadanya kecuali ini dan ini”, sambil mengisyaratkan pada muka dan telapak tangannya.”* (Abu Dawud). Para pekerja hotel dan chalet juga perlu menjaga etika ketika bertugas, mengawal pergaulan, personaliti selain bersikap prihatin dan jujur terhadap pelanggan.

Pihak pengurusan hotel dan chalet perlu juga memberikan pendidikan agama secara berkala kepada para pekerja, memastikan waktu solat dipatuhi dan dilaksanakan serta menjaga perkara-perkara tuntutan dan meninggalkan perkara larangan agama.

v. Kemudahan-Kemudahan Lain

Sebagai satu tarikan, hotel atau chalet biasanya menyediakan pelbagai kemudahan sampingan kepada pelanggan seperti televisyen, kelab, kolam mandi, akhbar dan sebagainya.

Untuk mendapatkan penarafan hotel dan chalet patuh syariah, perkara ini juga perlu diberi perhatian supaya selari dengan syariah. Televisyen perlu mempunyai saluran informasi Islam dan hanya melanggan saluran bersesuaian seperti pendidikan, selain mengelak melanggan saluran yang tidak bermanfaat. Jadual waktu solat, senarai masjid dan restoran halal berdekatan hotel dan chalet harus disediakan di kaunter hadapan untuk rujukan pelanggan. Menepati tuntutan dalam sabda Rasulullah SAW : *“Siapa yang menunjukkan (menggalakkan) ke arah kebaikan, maka baginya pahala seperti pahala orang yang melakukannya.”* (Muslim).

Kelab, pusat hiburan, pusat urut dan sebagainya sewajarnya dipisahkan antara lelaki dan perempuan selain tiada ruang untuk pergaulan bebas dan dalam suasana gelap. Kolam renang pula wajib dipisahkan lelaki dengan perempuan di samping ingatan penggunaan pemakaian yang sesuai dengan syarak. Selain itu, pihak hotel juga boleh mengadakan program keilmuan Islam dari masa ke semasa. Risalah dan pelekat peringatan seperti doa harian perlu diedar dan ditampal di tempat strategik serta berkaitan. Program berkala seperti ceramah, kuliah dan bentuk tazkirah bukan lisan seperti di papan notis, banner dan sebagainya juga perlu diberi perhatian. Ini semua memenuhi tuntutan Rasulullah SAW : *“Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat.”* (Al-Bukhari)

Solat merupakan asas paling penting dalam agama Islam. Oleh yang demikian, pihak hotel perlu menyediakan surau atau bilik khas yang dijadikan musalla (tempat solat) dan lengkap dengan tempat wuduk bagi memberi kemudahan kepada pekerja dan pelanggan menunaikan solat lima waktu secara berjamaah. Adalah lebih wajar sekiranya dapat menyediakan imam, bilal dan siak yang bertugas secara tetap pada setiap hari. Laungan azan pula bolehlah dikumandangkan pada setiap waktu solat. Selain itu, papan tanda dan arah hendaklah jelas selain lokasi surau itu sendiri berada di tempat yang strategik untuk disinggahi oleh pelanggan. Surau atau musalla ini juga hendaklah sentiasa bersih, terjaga dan wangi.

CADANGAN

Penulis ingin memberi cadangan berkaitan pelaksanaan penarafan hotel patuh syariah seperti berikut :

1. Kerajaan perlulah mengubal atau meminda akta dan enakmen berkaitan dengan hotel, rumah penginapan dan dagangan supaya selari dengan Islam seperti mewajibkan setiap hotel dan chalet mendapatkan penarafan patuh syariah
2. Satu penerangan atau latihan berterusan kepada pengusaha hotel dan chalet berkaitan pematuhan kriteria patuh syariah diberikan
3. Pihak yang bertanggungjawab juga perlu mempromosikan produk hotel dan chalet Patuh Syariah kepada pengguna dengan lebih meluas dan berkesan.
4. Pelanggan, terutama umat Islam mestilah menggunakan kuasa pengguna dan pemilih yang ada pada mereka dengan hanya melanggan premis penginapan yang memenuhi piawai halal dan patuh syariah. Begitu juga pelanggan seharusnya berterusan mendesak hotel dan chalet supaya mengambil penarafan patuh syariah dan menyediakan persekitaran yang lebih Islam di premis mereka.
5. Kesedaran pengusaha hotel dan chalet adalah penting untuk menjadikan premis tersebut mengikut norma yang mematuhi kriteria penarafan patuh syariah secara berterusan.

IV. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, penarafan hotel dan chalet patuh syariah sangat penting kepada pengguna Muslim dan menjadi satu produk baru dalam mempromosikan pelancongan. Hal ini kerana, apabila hotel dan chalet mempunyai mendapat penarafan patuh syariah, pengguna lebih yakin, memberikan manfaat, apabila menggunakan perkhidmatan yang bercirikan syariah, tambahan pula dapat menghilangkan rasa was-was dan yakin menggunakan perkhidmatan tersebut. Selain itu, ia mempunyai potensi besar dalam aspek memajukan ekonomi melalui pelancongan.

Bagi menjayakan perkara ini, pengusaha hotel atau chalet perlu mengambil inisiatif dengan bergerak memenuhi kriteria penarafan patuh syariah seperti yang dibincangkan di atas. Peranan pihak kerajaan juga diperlukan terutama melalui dasar dan penguatkuasaan yang berterusan. Pelanggan pula, terutama umat Islam mestilah menggunakan kuasa pengguna dan pemilih yang ada pada mereka dengan hanya melanggan premis penginapan yang mendapat penarafan patuh syariah. Jika ramai pelanggan yang berkehendakkan begitu, pasti pengusaha hotel dan chalet akan mendapatkannya.

V. RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Abdul Jalil. 1988. *Pemasaran Pelancongan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Abdul Munit, Ahmad Syagir & Harjeet. 1988. *Selangor Sebagai Destinasi Pelancongan*. Selangor:Unit Perancangan Dan Pembangunan Negeri Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Selangor.

Siti Asiah Binti Said. 2011. *Impak Industri Pelancongan Kepada Ekonomi Malaysia*. Tesis Dr. Falsafah Fakulti Ekonomi. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Fadil Mohd Yusuf. 2011. *Hotel Patuh Syariah Sebagai Produk Baru Industri Pelancongan Di Malaysia*. *Prosiding Perkem VI 2011*.

Muhammad Shahrin. 2007. *Kerjaya Dalam Bidang Perhotelan*. Kuala Lumpur. PTS Profesional.

Nor ‘Azzah Kamri, Suhaili sarif, Nor Aini Ali, Che Musa Che Omar & Sumaiyah Bahri. 2015. *Konsep hotel patuh syariah: analisis literatur*. *Perspektif Industri Halal: Perkembangan dan Isu-Isu 2015*, hlm. 23-43.

Nor Azizah Tukiran & Nor ‘Azzah Kamri. 2015. *Pengurusan hotel patuh syariah berasaskan MS 1900: Kerangka konseptual*. *Perspektif Industri Halal: Perkembangan dan Isu-Isu 2015*, hlm. 105-124.

Nor Haida, Redzuan Othaman & Mohd Safar. 2012. *Pelancongan Asia Barat Permintaan Dan Impak*: Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rosmawati Mohamad Rasit. Salasiah Hanin Hamjah, Siti Rugayah Tibek, Muhamad Faisal

Ashaari, Muhammad Adib Samsudin, Zulkefli Aini & Ahmad Irdha Mokhtar. 2014.

Industri Pelancongan Islam Dan Pembangunan Etnik Di Malaysia. *Seminar Antarabangsa*

Dakwah & Etnik 2014; Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-Disiplin 2014. Hlm. 5

Salasiah Hanin & Razaleigh . 2003. Pembudayaan Nilai-Nilai Islam Dalam Pelancongan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Islam Dan Pelancongan* . Bangi.

Wan Sahida, Suhaimi Ab Rahman & Khairil Awang. 2011. The Implementation Of Syariah Compline Concept Hotel: De Palma Hotel Ampang. *International Conference On Humanities, Historical And Social Science. IPEDR. Vol 17(2011)*